



## **KESELAMATAN DAN KESIHATAN MASJID DI MALAYSIA: KEPENTINGANNYA KEPADA JEMAAH MASJID**

**Mohamad Sofuan Mohamad Saleh<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Economics, Accounting & Management, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh. Faculty of Economics, Accounting & Management, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: msofuan@uis.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan meninjau keadaan keselamatan dan kesihatan masjid di Malaysia serta kesannya kepada para jemaah masjid. Keselamatan dan kesihatan di masjid merujuk kepada keadaan keselamatan infrastruktur dan prasarana masjid serta tahap kesihatan di persekitaran masjid. Keadaan keselamatan infrastruktur dan prasarana masjid serta tahap kesihatan di persekitaran masjid amat berkait secara langsung dengan jemaah yang datang beribadah di masjid. Kajian ini dijalankan melalui kaedah pemerhatian ke atas infrastruktur dan prasarana serta tahap keselamatan persekitaran masjid. Manakala subjek kajian merupakan masjid-masjid di negara ini yang diambil secara persampelan. Dapatan utama kajian ini menunjukkan terdapat perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan di masjid seperti struktur bangunan masjid, fasiliti di persekitaran masjid serta peralatan dan pengudaran di dalam masjid yang perlu ditambah-baik dari masa ke semasa. Adalah disarankan supaya pihak-pihak yang terlibat dengan kawal-selia masjid, samada pihak berkuasa agama atau pihak pentadbir masjid, perlu sentiasa memantau keadaan keselamatan dan kesihatan di masjid. Pihak-pihak tersebut perlu mengatasi masalah berkaitan perkara tersebut dengan cara menubuhkan unit khas pemantauan keselamatan & kesihatan masjid, mewujudkan garis panduan berkaitan keselamatan dan kesihatan masjid, membuat pemeriksaan keselamatan dan kesihatan di masjid secara berkala, seterusnya mengatasi masalah-masalah tersebut dengan kadar segera dan sebaiknya.

**Kata kunci:** Keselamatan, Kesihatan, Infrastruktur, Persekitaran, Masjid.

## **(THE SAFETY AND HEALTH OF MOSQUES IN MALAYSIA: ITS IMPORTANCE TO MOSQUE CONGREGATIONS)**

### **Abstract**

*This study aims to review the safety and health conditions of mosques in Malaysia and its impact on mosque worshippers. Safety and health in the mosque refers to the safety condition of the mosque's infrastructure and infrastructure as well as the level of health in the mosque's surroundings. The state of security of the mosque's infrastructure and infrastructure as well as the level of health in the mosque's environment is directly related to the congregation that comes to worship in the mosque. This study was carried out through the method of observing the infrastructure and infrastructure as well as the level of safety of the mosque environment. While the subjects of the study are mosques in this country which are taken by sampling. The main findings of this study show that there are matters related to safety and health in the mosque such as the structure of the mosque building, facilities around the mosque as well as equipment and ventilation inside the mosque that need to be improved from time to time. It is recommended that the parties involved in the regulation of mosques, whether religious authorities or mosque administrators, need to constantly monitor the safety and health situation in the mosque. The parties need to overcome the problems related to the matter by establishing a special unit for monitoring the safety & health of the mosque, creating guidelines related to the safety and health of the mosque, conducting regular safety and health inspections in the mosque, and then overcoming the problems immediately and preferably.*

**Keywords:** *Safety, health, infrastructure, environment, mosque.*

Received: August 29, 2024

Accepted: December 24, 2024

Online Published: December 31, 2024

### **1. Pendahuluan**

Keselamatan dan kesihatan organisasi atau organizational safety & health (OSH) di Malaysia secara khususnya adalah merujuk kepada peraturan-peraturan yang terdapat di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia. Peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan organisasi adalah bertujuan untuk mentadbir dan menguatkuasakan keselamatan dan kesihatan di sesebuah organisasi pekerjaan, mempertingkatkan kualiti hidup semasa bekerja, memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat bekerja, melindungi daripada bahaya keselamatan dan kesihatan dalam aktiviti pekerjaan di pelbagai sektor, ke arah membentuk budaya kerja dan tempat kerja selamat dan sihat. Matlamat program keselamatan dan kesihatan organisasi adalah untuk memupuk persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Di samping mengatasi keperluan

kerja tidak sepadan dengan kebolehan, sumber dan kehendak pekerja. Perkara tersebut boleh memberi kesan negatif (tekanan) ke atas psikologi dan fisiologi manusia di tempat kerja (Leka, et al., 2023). Di mana kesannya, individu yang mengalami tekanan dengan kerja yang dilakukan akan menjejaskan prestasi kualiti kerja mereka dan ianya boleh menggugat produktiviti organisasi.

Keselamatan dan kesihatan masjid (Safety & Health of Mosque) merujuk kepada keadaan keselamatan dan kesihatan di sesebuah masjid (Ghouchani & Taji, 2021). Masjid merupakan suatu tempat di mana masyarakat Islam bukan sahaja melaksanakan amal ibadah, tetapi juga program-program keagamaan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan dengan pengimarahannya (Shahbuddina & Gunardi, 2023). Sebagai contoh, masjid merupakan tempat di mana umat Islam berkumpul menunaikan solat lima waktu, solat jumaat serta solat hari raya secara berjemaah (Razif, et al., 2022). Masjid juga merupakan tempat di mana aktiviti keagamaan seperti ceramah dan kuliah agama, latihan umrah dan haji, program ibadah korban, kelas pembelajaran al-quran, kursus tadbir urus yang baik kepada ahli jawatan kuasa masjid serta kursus pembangunan keluarga bahagia (Sobri, et al., 2021; Alvi, et al., 2024). Di samping itu, terdapat juga masjid yang menawarkan aktiviti kemahiran asas kaum wanita serta ibu tunggal melalui aktiviti jahitan serta masakan (Mohd Ridhuan, et al., 2020). Ianya bertujuan dijadikan sebagai asas untuk menjalankan aktiviti menjana sumber pendapatn yang boleh meningkat taraf hidup masyarakat Islam.

Selain itu, terdapat juga masjid yang menjalankan aktiviti riadah serta program-program sosialisasi yang lain dalam usaha pengimarahannya dan memasyarakatkan masjid (Norani & Abdullah, 2020). Secara keseluruhannya, ia adalah agenda masjid mesra masyarakat yang melibatkan aktiviti pembangunan spiritual dan fizikal para jemaah masjid (Nur Fatiha, et al., 2023). Dalam usaha pengimarahannya masjid melalui pelbagai program mesra masyarakat yang dijalankan tersebut, pihak masjid juga perlu mengambil kira faktor keselamatan dan kesihatan di masjid (Mokhtar, 2011). Keselamatan dan kesihatan di masjid merujuk kepada keadaan keselamatan infrastruktur dan prasarana masjid serta tahap kesihatan di persekitaran masjid (Farouk, 2023). Keadaan keselamatan infra-struktur dan prasarana masjid serta tahap kesihatan di persekitaran masjid amat berkait secara langsung dengan jemaah yang datang beribadah di masjid (Yudhi & Syaom, 2021). Islam amat menekankan pentingnya elemen keselamatan dan kesihatan di dalam semua perkara dan keadaan dalam memastikan kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini (Awang, et al., 2021). Lantaran itu, keselamatan dan kesihatan di masjid juga tidak terkecuali dan perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak berkaitan.

## **2. Keselamatan dan kesihatan di masjid**

Keselamatan dan kesihatan di masjid merupakan keadaan keselamatan dan tahap kesihatan berkaitan bahagian dalam dan juga di bahagian luar infrastruktur masjid, prasarana masjid serta keadaan di persekitaran halaman masjid untuk kegunaan jemaah masjid (Shahrir & Mohammad, 2021). Keselamatan dan kesihatan di masjid adalah penting ke arah mewujudkan tempat beribadah dan menjalankan aktiviti-aktiviti sosialisasi pengimarahannya masjid dengan selamat dan sihat oleh jemaah masjid atau sesiapa sahaja yang mengunjungi masjid (Harahap, et al., 2023). Keselamatan dan kesihatan di masjid merupakan faktor penyumbang yang sangat signifikan kepada

pelaksanaan amal ibadah yang lebih sempurna serta pelaksanaan aktiviti pengimarah masjid dengan lebih baik (Che, et al., 2020). Oleh yang demikian, setiap jemaah masjid perlu memahami dan menyedari tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan di masjid. Justeru, adalah menjadi tanggung jawab pihak pentadbir masjid untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di masjid sentiasa dalam keadaan baik dan terpelihara.

## 2.1 Keselamatan di masjid.

Islam amat mementingkan tentang keselamatan. Keselamatan di masjid merujuk kepada keadaan keselamatan struktur bangunan masjid, infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid serta fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid (Milkie, et al., 2017; Susanti, 2018; Harahap et al., 2022). Bangunan masjid merupakan binaan utama yang digunakan oleh jemaah masjid untuk menunaikan solat berjemaah, mengikuti kuliah dan ceramah agama serta amalan ibadah lain ketika beriktikaf di dalam masjid. Keselamatan di dewan solat utama merangkumi keselamatan lantai, dinding, bumbung, siling, mimbar, kubah, kipas angin, lampu, penghawa dingin, perabut dan pendawaian elektrik (Kim, 2024). Bangunan masjid juga termasuk koridor di bahagian kanan dan kiri masjid.

Infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid pula ialah binaan-binaan yang didirikan di sekitar bangunan dewan solat utama masjid (Leila, et al., 2021). Contoh-contoh binaan yang menyokong bangunan masjid tidak terhad hanya kepada pejabat masjid, bilik imam dan bilik azan, tetapi ianya juga merangkumi tempat wudhu, ruang lobi, menara, bilik kuliah, dewan awam, dapur, bilik stor, bilik jenazah, tandas, longkang masjid dan sebagainya (Kim & Bendak, 2021). Keselamatan di binaan yang menyokong bangunan masjid merangkumi keselamatan lantai, dinding, bumbung, siling, mimbar, kubah, kipas angin, lampu, penghawa dingin, perabut dan pendawaian elektrik (Leila, et al., 2021). Binaan-binaan yang menyokong bangunan masjid tersebut adalah keperluan di masjid yang digunakan oleh jemaah masjid serta pihak pentadbir masjid dalam mentadbir urusan-urusan seharian masjid (Borham, et al., 2020).

Manakala fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid ialah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak masjid untuk digunakan oleh sesiapa sahaja yang datang ke masjid (Adedeji et al., 2021). Di antara fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid ialah tempat parkir kenderaan, kedai-kedai masjid disekeliling masjid, tempat riadah di kawasan masjid, taman bunga di halaman masjid, tempat permainan kanak-kanak, perpustakaan, ruang musafir, kemudahan-kemudahan orang kurang upaya, pondok rehat, gazebo, bangku serta meja dan sebagainya (Mohamed, 2023). Tidak ketinggalan juga ialah tempat sembelihan haiwan korban yang dimiliki oleh sesetengah masjid. Keselamatan fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid merangkumi keselamatan struktur, binaan dan peralatan di tempat-tempat tersebut (Semahat, 2023).

Pihak pengurusan dan pentadbir masjid perlu sentiasa peka dan prihatin terhadap tahap keselamatan bangunan masjid, infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid serta fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid adalah sentiasa berada dalam keadaan selamat untuk kegunaan jemaah masjid (Sodikov, et al., 2022). Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau permasalahan berkaitan bangunan masjid, infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid serta fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid

yang boleh membahayakan keselamatan jemaah masjid, ianya perlu diatasi dengan membuat pembaikan yang sepatutnya dengan kadar segera tanpa mengambil masa yang lama (Nada & Mehmet, 2022). Sebaliknya, keadaan akan menjadi tidak selamat dan merbahaya sekiranya pihak masjid menyedari terdapat kerosakan atau permasalahan tersebut, tetapi membiarkan perkara tersebut berterusan untuk jangka masa lama tanpa mengambil tindakan pembaikan sewajarnya dengan kadar segera.

## 2.2 Kesihatan di masjid.

Kesihatan di masjid merujuk kepada tahap kesihatan di dalam dan persekitaran masjid. Keadaan di dalam dan luar struktur bangunan masjid, infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid serta fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid adalah sentiasa dalam keadaan bersih, terpelihara dan terhindar daripada sebarang risiko penyakit yang boleh membahayakan kesihatan jemaah masjid (Das et al., 2012). Keadaan masjid dan persekitarannya juga tidak mendedahkan jemaah masjid kepada risiko mendapat kecederaan yang boleh mendatangkan mudarat (Mehdi, et al., 2018). Di samping itu, ianya juga merujuk kepada masjid yang bebas dari sebarang pencemaran atau bencana yang mengancam kesihatan jemaah masjid (Ahmed & Luma, 2022).

Kesihatan di bahagian dalam dan luar bangunan masjid, infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid serta fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid, adalah sangat berkait rapat dengan kebersihan di masjid (Hind, 2023). Kebersihan di masjid antaranya merujuk kepada keadaan habuk dan debu di karpet, sejadah, kipas, siling, dinding, tingkap, pintu, mimbar masjid dsbgnya (Sriyono, et al., 2023). Ia juga termasuk tahap kebersihan pengudaraan di dalam masjid terutamanya masjid yang tertutup rapat dengan penggunaan sistem hawa dingin (Febri, 2021), sampah-sarap di dalam dan di luar masjid, bersih dari sebarang najis serangga seperti lipas dan atau najis haiwan-haiwan lain seperti cicak, tikus dan kucing di semua bahagian dalam dan luar masjid, kebersihan tandas, serta kebersihan saluran dan longkang masjid (Maimnuah & Noorwahyu, 2023). Di samping itu juga, masjid yang mempunyai tempat sembelihan haiwan korban, perlu menguruskan kebersihan tempat sembelihan tersebut dengan baik dan sempurna.

Kebersihan di masjid adalah amat berkait rapat dengan tahap kesihatan di masjid (Jamail, et al., 2023). Ianya adalah kerana kebersihan di sesebuah masjid merupakan faktor penyumbang utama kepada tahap kesihatan di masjid tersebut (Kassim & Mohammed, 2020). Masjid yang mempunyai masalah kebersihan seperti yang disebutkan di atas, samada di bahagian dalam (Bassam, et al., 2023) dan luar struktur bangunan masjid, infra dan prasarana binaan yang menyokong bangunan masjid serta fasiliti yang terdapat di persekitaran masjid, boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan jemaah masjid (Lukman, et al., 2023). Sebagai contoh, pengudaraan yang tidak sihat di dalam masjid serta keadaan habuk dan debu yang banyak boleh menyebabkan penyakit yang berkaitan pernafasan, sampah-sarap yang yang tidak diurus dengan baik boleh menyebabkan penyakit-penyakit jangkitan lalat, lipas dan tikus, kolah air yang tidak diselenggara dengan baik dan longkang yang tersumbat boleh menyebabkan pembiakan nyamuk, tandas yang kotor boleh menyebabkan jangkitan penyakit bawaan kuman tandas (Abdurrahman & Muhsin, 2024; Rosidin, et al., 2024). Selain itu, pengurusan dan pelupusan sisa haiwan korban yang tidak baik dan kurang sempurna di tempat sembelihan korban di masjid boleh menyebabkan pembiakan lalat.

Kebersihan di masjid adalah sangat penting kerana Islam amat menekankan pentingnya elemen kebersihan yang menyumbang kepada tahap kesihatan di dalam semua perkara, tempat dan keadaan dalam memastikan kesejahteraan dan keamanan kehidupan manusia (Arif, 2023). Justeru, pihak pentadbir masjid perlulah sentiasa peka dan prihatin terhadap kebersihan di masjid yang membawa kepada tahap kesihatan masjid (Lana & Faris, 2023). Perkara-perkara atau sebarang masalah yang berkaitan kebersihan masjid harus diselesaikan dan diatasi dengan sebaik mungkin pada kadar yang segera. Ianya bagi mengelakan masjid menjadi tempat yang tidak sihat kepada jemaah masjid ketika beribadah di masjid.

Kajian-kajian yang dijalankan terdahulu lebih menjurus kepada keselamatan struktur di masjid moden (Farouk, 2023; Abubakar, et al., 2024; Mannan, et al., 2024) serta tingkah laku pengguna dalam masjid yang sesak (Kassim & Mohammed, 2020; Zahra, et al., 2023; Hasan, et al., 2024; Yasmine, et al., 2024). Pengamatan penyelidik mendapati kajian terdahulu tidak menyentuh tentang keselamatan dan kesihatan masjid di dalam satu kajian yang sama. Perkara tersebut mewujudkan jurang dalam kajian terdahulu terhadap aspek keselamatan dan kesihatan masjid-masjid luar bandar atau masjid kecil. Rentetan daripada itu, jurang kajian tersebut memberikan justifikasi yang kukuh untuk kajian ini dijalankan.

### **3. Kaedah kajian**

Kajian ini mengguna pakai kaedah kajian pustaka dan pemerhatian ke atas infrastruktur dan prasarana masjid berkaitan tahap keselamatan dan kesihatan di masjid dan persekitaran masjid daripada lapuran-lapuran akhbar serta pendedahan di media sosial oleh masyarakat yang prihatin dengan isu-isu keselamatan dan kesihatan masjid. Manakala subjek kajian merupakan masjid-masjid di negara ini yang diambil daripada lapuran-lapuran akhbar dan media sosial tersebut. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperolehi melalui pemerhatian langsung terhadap masjid, tinjauan lapangan, serta analisis laporan media sosial dan akhbar. Manakala analisis data kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik di mana isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan masjid di kategori kepada dua tema yang utama iaitu mengikut tema keselamatan dan tema kesihatan masjid.

Di samping itu juga, penyelidik menghubungi masjid subjek kajian ini untuk memastikan kebolehpercayaan dapatan data kajian dalam mengesahkan ketepatan hasil kajian. Analisis kemudiannya dilakukan untuk mengenalpasti dan mengklasifikasikan isu-isu dan permasalahan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan masjid seperti yang dilaporkan oleh akhbar dan juga pendedahan yang terdapat di media sosial. Penemuan-penemuan daripada analisis tersebut kemudiannya dilaporkan di bahagian 4.0 Penemuan Kajian.

### **4. Penemuan kajian**

Penemuan-penemuan kajian ini mendedahkan, dewasa ini masih terdapat masjid-masjid di negara ini yang menghadapi masalah keselamatan dan kesihatan. Walaupun demikian, bilangan masjid-masjid yang mengalami masalah keselamatan dan kesihatan tersebut tidak besar; kurang daripada satu peratus, berbanding dengan sejumlah 6,816 buah keseluruhan masjid di negara ini. Di antara masalah keselamatan yang dihadapi ialah masalah Masjid

Tanjung Api Kuantan yang mengalami masalah keselamatan di mana infra-struktur masjid yang uzur telah berlanjutan selama sepuluh tahun. Jemaah masjid amat bimbang kerana masjid tersebut akan runtuh sekiranya tidak dibaiki dengan kadar segera. Sebagai contoh, masjid tersebut berdepan masalah struktur tiang dan lantainya yang diperbuat daripada kayu yang tidak lagi kukuh dan semakin uzur. Tiang dan lantai Masjid Tanjung Api di Kuantan, Pahang tersebut semakin uzur dimakan anai-anai yang bersarang di situ. Apabila jemaah masjid mengerjakan solat, ianya amat merbahaya kerana lantai kayu tersebut akan berbunyi di sana di mana kayunya sudah menjadi terlalu lembut. Tiang dan lantai kayu masjid tersebut adalah dalam keadaan menunggu masa untuk roboh. Di samping itu juga, bumbung zink masjid yang telah berusia mengalami banyak kebocoran. Air hujan yang mengenai siling masjid dari kebocoran bumbung masjid menyebabkan struktur siling masjid tersebut reput dan runtuh pada bila-bila masa jika ianya tidak dibaik pulih.

Masjid As-Sakinah Kampung Baru, Kuala Sungai Baru, Alor gajah Melaka pula telah berusia 100 tahun yang semakin uzur telah mengalami kejadian silingnya tiba-tiba runtuh. Ianya merupakan masalah keselamatan yang serius dan telah mencetuskan kebimbangan yang amat sangat di kalangan jemaah masjid tersebut. Sebelum daripada itu, siling masjid adalah dalam keadaan bocor, berlumut dan reput. Struktur bangunan masjid dan tiang-tiang di bahagian tengah masjid tersebut yang dibuat daripada kayu turut mengalami kerosakan akibat serangan anai-anai. Dalam pada itu, walaupun mengalami masalah keselamatan yang sangat merbahaya kepada jemaah masjid, tetapi pihak pentabir masjid tetap meneruskan program-program kelas agama dan majlis ilmu bagi membolehkan penduduk mengimarahkan masjid.

Masjid al-Wakil, Lubok China, Ayer Limau Melaka pula mengalami risiko litar pintas berikutan wayar serta pendawaian elektriknya yang telah uzur disebabkan faktor masa dan terendam dalam banjir yang berlaku baru-baru ini. Keadaan tersebut amat merbahaya kerana ianya mendedahkan masjid kepada risiko litar pintas yang boleh menyebabkan kebakaran. Keadaan tersebut juga mendedahkan jemaah masjid kepada insiden renjatan elektrik apabila membuka dan menutup suis elektrik atau ketika menggunakan peralatan elektrik. Selain itu, masjid tersebut juga mengalami kerosakan pada pintu-pintu dan karpetnya yang rosak akibat banjir. Justeru pihak pengurusan masjid tersebut amat memerlukan peruntukan kewangan bagi menggantikan wayar serta pendawaian elektriknya yang telah uzur serta pintu-pintu dan karpet yang rosak akibat banjir.

Masjid RPS Merapoh, Kuala Lipis, Pahang pula mengalami rekahan siling di bahagian depan dewan solat utama selepas pembinaannya tidak mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan sekitar enam tahun yang lalu. Rekahan siling di ruang hadapan dewan solat tersebut telah menyebabkan air hujan menitik ke dalam masjid menyebabkan siling masjid mengalami kereputan. Keadaan ruang solat masjid tersebut ketika ini adalah merbahaya kepada jemaah memandangkan rekahannya semakin banyak. Keadaan tersebut merupakan masalah keselamatan yang sangat kritikal dihadapi oleh masjid RPS Merapoh. Pihak Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) bersama-sama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Agama Islam Lipis telah hadir bagi memantau keadaan rekahan siling tersebut. Pihak JKR memaklumkan bahawa, siling dan ruang solat masjid tersebut adalah tidak selamat untuk digunakan bagi masa akan datang kerana dibimbangi siling tersebut akan runtuh pada bila-bila masa akibat rekahan tersebut.

Dentuman kuat disusuli runtuh sebahagian siling di Masjid Bandar Springhill, Port Dickson, telah mengejutkan kira-kira 50 jemaah yang sedang menunaikan solat subuh baru-baru ini. Dalam kejadian tersebut, siling bahagian belakang masjid dianggar seluas 10 meter persegi runtuh terlebih dulu, sebelum siling beberapa bahagian lain turut mengalami runtuh kecil. Kejadian tersebut telah menyebabkan jemaah masjid terdedah kepada risiko keselamatan runtuh siling pada bila-bila masa. Pemeriksaan lanjut mendapati, struktur bumbung kubah berbentuk tiga segi masjid itu turut terjejas dengan sebahagian atap genting pecah manakala kedudukannya yang senget. Pemeriksaan oleh pihak bomba dan penyelamat Balai Bomba Port Dickson mendapati masjid itu tidak selamat untuk digunakan buat masa ini. Pihak bomba dan penyelamat menasihatkan pihak pengurusan masjid supaya mendapatkan khidmat pihak yang berkaitan bagi membuat pemeriksaan lebih teliti terhadap struktur masjid berkenaan.

Masjid Haji Osman, Kota Belud Sabah pula mengalami masalah kerosakan yang agak banyak di bahagian infra-struktur. Di antaranya ialah kerosakan sebahagian besar siling masjid. Sebahagian siling yang rosak tersebut telah runtuh dan jatuh di atas lantai masjid, bumbung dan saliran air curur atap yang rosak, longkang dan lantai luar yang retak, pecah dan terhakis, tingkap, pintu masjid serta tandas adalah rosak. Keadaan keselamatan dan keselesaan masjid tersebut adalah sangat dhaif. Manakala infra-struktur Masjid An-Nur Kampung Sentosa Jaya, Batu 3, Sandakan, Sabah juga berada dalam keadaan uzur dengan banyak kerosakan. Sebagai contoh, banyak bahagian bumbung masjid yang bocor, paip air yang bocor, lantai masjid, ruang wudhu, tandas dan bilik pengurusan jenazah yang mengalami kerosakan. Selain itu, terdapat banyak lagi kerosakan-kerosakan infra-struktur lain yang perlu dibaiki termasuklah menukar bumbung yang bocor, membaiki dan meninggikan lantai masjid, membina tandas yang sempurna, ruang wudhu, bilik pengurusan jenazah, kelas pengajian al-Quran dan sebagainya yang lebih baik.

Masjid Kampung Lerek, Kuala Berang yang dibina penduduk kampung lebih 100 tahun lalu pula mengalami bumbung dan struktur atas bangunan masjid berkenaan yang reput dimakan anai-anai. Ianya telah menyebabkan atap dan bumbung masjid mengalami kebocoran dan menjadikan ruang solat masjid dibasahi air hujan bila hujan turun. Kesan daripada kebocoran itu juga menyebabkan kerosakan pada siling, malah ada siling yang sudah reput menunggu masa untuk jatuh ke lantai. Situasi berkenaan telah menimbulkan masalah keselamatan di masjid tersebut. Menurut Pengerusi Masjid Kampung Lerek, bumbung asal yang diperbuat daripada kayu tidak pernah diganti baharu semenjak masjid berkenaan dibina. Di samping itu, pendawaian elektrik masjid berkenaan juga sudah sangat lama dan perlu segera diganti baharu kerana dibimbangi boleh berlaku litar pintas atau renjatan elektrik pada bila-bila masa.

Keadaan keselamatan yang tidak baik di masjid Kampung Lerek telah menyebabkan jemaah berasa tidak tenang ketika menunaikan solat. Ianya berikutan kebimbangan akan berlakunya kejadian tidak diingini memandangkan bumbung dan struktur atas bangunan berkenaan telah mengalami kerosakan dan dalam keadaan tidak selamat yang boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada jemaah ketika berada di dalam rumah Allah berkenaan. Struktur binaan masjid Kampung Lerek yang mengalami masalah kerosakan

tersebut perlu diperbaharui dan diperbaiki terutamanya membabitkan bahagian bumbung dan siling yang banyak mengalami kerosakan disebabkan telah reput dimakan anai-anai.

Masjid Lama Machap, Alor Gajah, Melaka yang berusia lebih 100 tahun pula mengalami masalah keselamatan di mana siling di bahagian tengah ruang solat yang telah reput dimakan anai-anai menyebabkan sebahagian siling tersebut telah runtuh secara tiba-tiba. Walaupun kejadian tersebut tidak menyebabkan kecederaan kepada sesiapa, namun ianya merupakan risiko yang amat membahayakan keselamatan jemaah yang datang untuk mengimarahkan masjid. Pemiakan anai-anai yang tidak dihapuskan dan dikawal dengan baik, menyebabkan semua binaan masjid tersebut yang diperbuat daripada kayu seperti tiang kayu, dinding dan pintu kayu masjid terdedah kepada serangan anai-anai. Kesan daripada itu, struktur kayu masjid tersebut adalah terdedah kepada masalah pereputan yang boleh membawa kepada runtuhannya masjid.

Sementara itu, masjid Maqbul pula merupakan satu-satunya masjid yang terdapat di Pulau Mabul, Sabah yang mana pulau tersebut dihuni oleh lebih kurang 3000 orang penduduk. Masjid yang berusia hampir 50 tahun ini adalah sebuah masjid yang dibina menggunakan kayu. Oleh yang demikian, atas faktor usia, masjid tersebut yang telah mencapai usia setengah abad dengan tahap penyelenggaraan yang kurang, telah menyebabkan lantai masjid yang dibuat daripada papan menjadi reput. Manakala karpetnya pula telah menjadi lusuh, berdebu, berhama dan juga reput. Walaupun keadaan keselamatan dan kesihatan masjid tersebut adalah sangat tidak memuaskan dan tidak baik kepada jemaah masjid, namun aktiviti solat fardhu, solat jumaat serta majlis ceramah agama tetap dijalankan dan dilaksanakan di Masjid Maqbul. Para jemaah yang mengimarahkan masjid tersebut seolah-olah telah lali dengan keadaan keselamatan dan kesihatan masjid tersebut.

Masjid Tok Lebai Hashim di Bukit Minyak, Pulau Pinang juga mengalami masalah keselamatan di mana bumbungnya telah mulai reput dan berkarat, di samping itu, terdapat juga siling di beberapa bahagian dalam masjid yang telah runtuh. Sekiranya tiada langkah pembaikan yang sewajarnya dilakukan, masjid tersebut amat terdedah kepada risiko berlakunya lebih banyak runtuhannya siling. Pihak pengurusan masjid tersebut menghadapi kekangan kewangan untuk membuat pembaikan-pembaikan bumbung dan siling.

## **5. Cadangan penambahbaikan keselamatan dan kesihatan di masjid**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat masjid di negara ini yang mengalami masalah keselamatan dan kesihatan. Ianya adalah lebih kepada keselamatan dan kesihatan berkaitan infrastruktur binaan bangunan masjid tersebut. Masalah keselamatan dan kesihatan masjid tersebut perlulah diselesaikan dengan segera demi untuk menjamin keselamatan dan kesihatan jemaah masjid yang datang untuk mengimarahkan masjid. Sebarang kekurangan atau kelemahan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan masjid juga perlu ditambah-baik dari masa ke semasa. Justeru itu, adalah disarankan supaya pihak-pihak yang terlibat dengan kawal-selia masjid, samada pihak berkuasa agama atau pihak pentadbir masjid, perlu sentiasa memantau keadaan keselamatan dan kesihatan di masjid dan mengatasi sebarang masalah berkaitan perkara tersebut dengan sebaiknya.

Lantaran itu, pentadbir masjid dan pihak berkuasa agama adalah dicadangkan untuk melakukan beberapa perkara untuk menyelesaikan masalah berkaitan keselamatan dan kesihatan di masjid yang menghadapi masalah-masalah tersebut. Di antaranya ialah dengan;

- i. Menubuhkan unit khas pemantauan keselamatan & kesihatan di masjid.
- ii. Mewujudkan garis panduan berkaitan keselamatan dan kesihatan di masjid.
- iii. Membuat pemeriksaan keselamatan dan kesihatan di masjid secara berkala.
- iv. Mewujudkan dana khas; Dana keselamatan dan kesihatan di masjid.
- v. Menangani (menyelesaikan) masalah-masalah berkaitan keselamatan & kesihatan di masjid dengan kadar segera.
- vi. Memantau kerja-kerja selepas pembaikan masalah-masalah keselamatan & kesihatan di masjid supaya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- vii. Memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bersama membantu menyelesaikan masalah keselamatan dan kesihatan di masjid melalui pelbagai cara seperti sumbangan kewangan, sumbangan kemahiran, khidmat nasihat teknikal serta program kesedaran penggunaan masjid secara berhemah.

## **6. Kesimpulan**

Masjid adalah institusi keagamaan yang penting dalam Islam bukan sahaja sebagai tempat untuk beramal ibadah, tetapi ianya juga berkaitan dengan aspek pelaksanaan pendidikan dan pembangunan masyarakat melalui berbagai pelbagai agenda, program dan projek pengimarahkan masjid. Keselamatan dan kesihatan di masjid merujuk kepada keadaan keselamatan infrastruktur dan prasarana masjid serta tahap kesihatan di persekitaran masjid. Matlamat keselamatan dan kesihatan masjid ialah untuk mewujudkan persekitaran masjid yang selamat dan sihat agar dapat melindungi jemaah masjid daripada terdedah kepada sebarang kemungkinan buruk yang mungkin boleh menimpa mereka ketika berada di masjid dan persekitarannya.

Keselamatan dan kesihatan di masjid merupakan perkara yang penting untuk memastikan kebajikan jemaah yang datang beribadah dan mengimarahkan masjid adalah sentiasa dalam keadaan selamat dan sihat. Keadaan selamat dan sihat tersebut secara psikologinya adalah amat berkait rapat dengan mewujudkan ketenangan minda jemaah ketika beribadah di masjid. Justerus, secara tidak langsung keselamatan dan kesihatan di masjid merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatkan tahap kualiti ibadah jemaah masjid. Keprihatinan pihak pentadbir masjid terhadap keselamatan dan kesihatan di masjid mampu mewujudkan infrastruktur, suasana dan persekitaran masjid yang kondusif untuk jemaah beribadah di dalamnya.

Pihak pentadbir masjid dan pihak berkuasa agama perlu peka terhadap keselamatan dan kesihatan masjid untuk menjadikan masjid mesra ummah yang berteraskan keselamatan dan kesihatan. Langkah-langkah sewajarnya perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan masjid dalam usaha untuk memastikan keselamatan dan kesihatan masjid. Islam amat menekankan pentingnya elemen keselamatan dan kesihatan di dalam semua perkara dan keadaan dalam memastikan kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini. Lantaran itu, keselamatan dan kesihatan di masjid juga tidak terkecuali dan perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak berkaitan.

## RUJUKAN

- Abdurrahman, Y.T. & Muhsin, S.S. (2024). Assessing evacuation risks in prominent historical mosques: An integrated quantitative and qualitative approach via the HM-ERI framework. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 113(15), 76-89.
- Abubakar, S.M., Issah, B.A., Abbas, J. & Dzimale, A. (2024). Emerging technologies for transforming mosques into smart buildings: A systematic literature review. *International Journal of Research and Scientific Innovation*, 11(6), 510-534.
- Adedeji, L.L., Ibrahim, M.B. & Shittu, A.D. (2021). Assessment of urban mosque facilities and environmental issues in Nigeria. *Journal of Religions & Peace*, 2(1), 61-71.
- Ahmed A.A. & Luma, M.Y. (2022). A simulation study to suggest an emergency exits in Mosul's Mosques in case of emergency. *International Journal of Safety and Security Engineering*, 12(5), 569-575.
- Alvi, M., Zainab, L.Z., Rahmi, D., Rahmi, D. & Wismanto, W. (2024). Revitalisasi fungsi sosial masjid: Menjadikannya sebagai pusat pelayanan kesehatan di lingkungan masyarakat. *Moral: Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, 1(4), 216-232.
- Arif, M. (2023). Fiqh al-Bi'ah: Studi historis konsep kebersihan dalam literatur fikih klasik dan kontemporer. *Jurnal Studi Ilmu Keagamaan Islam*, 4(1), 22-44.
- Awang, N., Aini, Z. H., & Opir, H. (2021). Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. *Jurnal YADIM*, 1(2), 21-37.
- Bassam, T., Mubarak A.E., Mansour A.A., Ashraf, F. & Ahsan M.S. (2023). Potentially harmful elements associated with dust of mosques: pollution status, sources, and human health risks. *International Journal of Environmental Research & Public Health*, 20(3), 85-99.
- Borham, A.H., Abdul Rahim, M.M., Abdullah, W.A., & Kamarulzaman, M.A. (2020). Significant of information needs towards Muslim communities base on the mosque digital information board in Malaysia. *Journal of Critical Reviews*, 7(14), 1-12.
- Che, H., Sarah, A. & Sufian, H. (2020). The ergonomics of the Islamic ablution: Exploring considerations for the elderly in the mosque. *Cultural Syndrome*, 2(1), 59-77.
- Das, R., Qureshi, T.S., Chowdhury, M.S.J. & Alam, M.J.B. (2012). Health factors in Islamic Perspectives and its relation to sustainability with case study at traditional and modern mosque. *Journal of Environmental Science & Natural Resource*, 5(1), 1-8.
- Farouk, M. (2023). Structural and environmental safety studies of the holy mosque area using CFD. *Buildings*, 13(7), 25-38.
- Febri, T. (2021). Non-compliance with the health protocol in the mosque. *Al-Mada: Jurnal Agama Sosisal dan Budaya*, 5(1), 1-18.
- Ghouchani, M. & Taji, M. (2021). Promoting spirituality in the architectural thought of the mosque: a sense of place approach. *Journal of Islamic Architecture*, 6(3), 151-159.
- Harahap, R.K., Sapri, M. & Atan, I. (2022). Understanding of key building performance criteria for contemporary mosque facilities. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 7(27), 364-382.
- Harahap, M. & Rohimah, K., Sapri, M., Sipan, I. (2023). Key factors of supportive contemporary community needs for mosque facilities. *Asian Journal of Research In Education and Social Sciences*, 5(3), 212-226.

- Hasan, N.A., Ahmed, A.A., Ahmed S.A. & Tuqa R.A. (2024). Evaluating of urban space vitality: the role of safety, security, and urban planning in the religion center of Kufa, Iraq. *International Journal of Design & Nature and Ecodynamics*, 19(1), 155-167.
- Hind, A.K. (2023). The effect of mosque acoustic design and the surrounding environment on prayer health in Riyadh city post COVID-19. *Journal of Sustainable Development*, 16(4), 21-31.
- Jamail, M.I., Samsudin, I.L., Rasdi, M.T., Sabil, A. & Yola, L. (2023). Sustainable mosque designs from the perspectives of social inclusion: Comparisons of four mosques in Kuala Lumpur, Malaysia. *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology*, 14(5), 328-335.
- Kassim, G. & Mohammed, A. (2020). Health and safety in crowded large size buildings: the effect of perceived safety on user behaviour in the holy mosque. *Journal of Engineering, Project, and Production Management*. 10(3), 170-178
- Kim, I.J. & Bendak, S. (2021). Emerging safety risks from public facilities: A field study for ablution spaces in mosques. *Facilities*, 39(13/14), 843-858.
- Kim, I.J. (2024). Safeguarding public facilities: a study on enhancing safety in mosque amenities through slip-resistance and surface innovations. *Facilities*, 42(8), 709-728.
- Lana, A.A. & Faris, A.M. (2023). The state-of-the-art knowledge, techniques, and simulation programs for quantifying human visual comfort in mosque buildings: A systematic review. *Ain Shams Engineering Journal*, 14(9), 132-148.
- Leila, S., Masoumeh, A.D., Najmeh E., Hassan, S.N., Mohammad, J.F., Ali, A.Y. (2021). Promoting spiritual support and improving the safety of mosque structures according to the needs of the elderly: Action research. *Islam & Health Journal*, 6(1), 61-75.
- Leka, S., Torres, L., Jain, A., Tecco, C., Russo, S. & Iavicoli, S. (2023). Relationship between occupational safety and health policy principles, organizational action on work-related stress and the psychosocial work environment in Italy. *Journal of Safety and Health at Work*, 14(1), 1-7.
- Lukman, A.L., Wirakusumah, I.A. & Gunawan, E.V. (2023). The dynamics of interpersonal space in congregational prayers in salman mosque Bandung during covid pandemic. *Journal of Islamic Architecture*, 7(3), 416-426.
- Maimnuah, N.F. & Noorwahyu, T. (2023). Health protocol management on mosque religious practice during the covid-19 pandemic in Yogyakarta. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 23(1), 175-181.
- Mannan, A., Harisah, A., Wikantari, R., & Sir, M. M. (2024). Architectural sustainability of an Achmad Noe'man's Mosque design. *Innovative: Journal of Social Science Research*, 4(6), 4804-4821.
- Mehdi, J., Sanaz, G., Sedigheh, D., Samira K., Mehdi, J., Sanaz, G., Sedigheh, D., Samira K., (2018). Safety and health risk assessment in mosques, Shiraz, Iran. *Shiraz E-Medical Journal*, 19(12), 112-127.
- Milkie, V., Hadiyah, M, Monica E.P. (2017). Muslim women's perspectives on designing mosque-based women's health interventions: An exploratory qualitative study. *Women and Health*, 58(3), 334-346
- Mohamed, F. (2023). Structural and environmental safety studies of the Holy Mosque area using CFD. *Buildings*, 13(7), 83-97.
- Mohd Ridhuan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti, A. S. (2020). Prinsip sosial dalam pengimaran institusi masjid: Kajian di masjid bertaraf cemerlang. *Jurnal Hadhari*. 12(1), 1-15

- Mokhtar, A. (2011). Designing mosque for safety. *Lonaard Journal*, 1(3), 74-85.
- Nada B.B., & Mehmet, S.A. (2022). Artificial intelligence applications featuring ease and safety factors at the Two Holy Mosques. *Academic Journal of Research and Scientific Publishing*, 4(47), 17-42.
- Norani, M.N.M., & Abdullah, W.H. (2020). Analisis aktiviti pengajian keagamaan di institusi masjid-masjid Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119-129.
- Nur Fatihah, M.Y., Nurul Fawaddha, N.A. & Noor Anisah, A.S. (2023). The challenges of facilities management in mosque. *International Journal of Business and Technology Management*, 5(2), 345-353.
- Razif, N.F., Isa, N.M. & Shahminan, R.N. (2022). Women friendly mosque: An overview. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7(27), 121-129.
- Rosidin, R. & Handoko, H. & Sukron, M. (2024). Assessing the feasibility of Malang Raya Mosques in the religious moderation program. *30(2)*, 43-58.
- Shahbuddina, Z.H.S. & Gunardi, S. (2023). Tinjauan literatur sistematik terhadap peranan institusi masjid di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 29(1). 54-71.
- Semahat, M. (2023). The effect of domed and hip roof coverings on mosque design in case of fire. *Journal of Engineering Research*, 11(4), 267-274.
- Shahrir, N. A., & Mohammad A.A.R. (2021). A study on common defect of heritage mosque in Kedah. *Progress in Engineering Application and Technolog*, 2(1), 464-469.
- Sobri, M., Ismail, S., Sabil, A., Yusof, H., Asif, N. & Setiyowati, E. (2021). *Systematic review of sustainable design approach for mosque*. *Journal of Islamic Architecture*, 6(4), 369-375.
- Sodikov, A., Yakubov, U.A., Rajabbayevich, D.M. & Bornova, I. (2022). Fire prevention measures and mosque security systems. *Neuroquantology*, 20(15), 4013-4025.
- Sriyono, H., Hakim, Z., Jujuk, P. & Dian, R.A. (2023). *Mosque is the only visible shelter at the most dangerous time: A qualitative study of the victims' experience in the Mount S Meru eruption*. *The Journal of Pakistan Medical association*, 73(2), 54-67.
- Susanti, S.E. (2018). Konsep keselamatan dalam al-qur'an. *Humanistika*, 4(2), 81-93.
- Yasmine, H. (2024), The aesthetic and functional values of the surrounding plazas of heritage mosques. *International Design Journal*, 14(5), 387-392.
- Yudhi G. & Syaom B. (2021). Disaster response mosque: A Mosque as a center for the rescue of the ummah. *Journal of Development & Integrated Engineering*, 1(1), 43-54.
- Zahra, M., Aram, T., Shima, S. & Samaneh, P. (2023). Developing an age-friendly mosques' structure assessment tool. *Current Research in Medical Sciences Journal*, 7(1), 54-70.